

# 40,000 rumah kos rendah untuk OKU, ibu tunggal

BH  
17.02.2008  
m/s 3

**T**EMERLOH: Kerajaan akan membina 40,000 unit rumah kos rendah di seluruh negara, khusus untuk memenuhi keperluan golongan orang kurang upaya (OKU), ibu tunggal dan warga emas.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata kerajaan serius dalam menyediakan kemudahan projek perumahan rakyat (PPR) mampu milik yang mencukupi, berkualiti dan selesa serta mampu disewa dan dibeli bagi memenuhi keperluan kediaman semua golongan khususnya berpendapatan rendah.

"Bagi memenuhi permintaan perumahan yang tinggi di kalangan rakyat miskin, kerajaan meluluskan perubahan dasar dan strategi baru dalam pelaksanaan perumahan kos rendah dengan membina 40,000 unit untuk OKU, ibu tunggal dan warga emas.

"Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menerusi Jabatan Perumahan Negara (JPN) sudah dipertanggungjawabkan sebagai agensi pelaksana PPR ini.

"Pembinaan akan dilaksanakan di tapak tanah yang sesuai disediakan kerajaan negeri seluruh negara, manakala kos pembinaan ditanggung sepenuhnya kerajaan Pusat," katanya berucap merasmikan PPR Taman Lanchang Permai, Kampung Bolok Hilir, Lanchang, di sini, semalam.

Najib berkata, menerusi dasar dan strategi baru itu, satu skim pinjaman berjamin diwujudkan kerajaan untuk terus membantu golongan berpendapatan rendah terutama yang bekerja sebagai nelayan, petani, penernak, pemandu teksi, peniaga dan pengusaha kecil turut memiliki rumah sendiri.

"Melalui Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Bhd (SJKP) yang ditubuhkan 6 Disember tahun lalu dengan dana awal berjumlah RM1 bilion, pinjaman sehingga RM60,000 ditawarkan kepada golongan itu dengan tempoh pembayaran balik 40 tahun.

bayaran bank 40 tahun.  
"Skim ini juga turut menawarkan pinjaman dua generasi, tetapi peminjam tetap tertakluk kepada syarat seperti rakyat Malaysia, berumur 18 tahun ke atas, berpendapatan sendiri serta mampu membayar balik pinjaman," katanya.

Beliau berkata, kerajaan mensasarkan sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) 709,400 unit rumah dibina dengan 38.2 peratus daripada jumlah itu atau 270,905 unit adalah PPR untuk golongan miskin dan berpendapatan rendah.

"Secara keseluruhan, kerajaan memperuntukkan hampir RM9.5 bilion untuk sektor perumahan pada RMK-9 berbanding hampir RM7 bilion pada RMK-8 lalu.

"Bagi perumahan kos rendah, kerajaan memperuntukkan hampir RM2.1 bilion, manakala menerusi perumahan luar bandar dan miskin tegar sebanyak RM233.1 juta," katanya.

Najib berkata, di Pahang saja, JPN sedang melaksanakan 25 projek PPR membabitkan 3,225 unit dan sehingga bulan lalu, 16 projek atau 2,568 unit sudah disiapkan.

"Harga jualan bagi rumah PPR ditetapkan pada kadar antara RM30,000 hingga RM35,000, iaitu lebih rendah dan berpatutan berbanding harga rumah dan jenis sama di pasaran.

"Secara tidak langsung, kerajaan memberi subsidi perumahan sehingga RM12,000 kepada golongan miskin supaya PPR ini mampu dimiliki walaupun kos sebenar pembinaannya sekitar RM65,000 hingga RM75,000," katanya.